

16 OCT 2003

OIC: ABDULLAH ADAKAN PERBINCANGAN DUA HALA

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengadakan beberapa perbincangan dua hala dengan para pemimpin yang menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini hari ini.

Selepas majlis perasmian sidang kemuncak itu di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), Timbalan Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan Raja Abdullah, Jordan.

Beliau kemudian mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Agung Liga Arab Amr Moussa, diikuti perjumpaan dengan Perdana Menteri Kuwait Sheikh Dr Muhammad al-Salem al-Sabah.

Presiden Rusia Vladimir Putin, yang menjadi tetamu khas pada majlis perasmian itu, turut bertemu dengan Abdullah, selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

VP SHS MK MKO RON